

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13/09/2017

SURUHANJAYA SIASATAN

Dr Mahathir dijangka beri keterangan minggu depan

BH-13/9/2017 pg. 20

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi keterangan pada prosiding Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasihat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing BNM Sekitar 1990-an, minggu depan.

Peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla, berkata beliau menerima sepina bagi pihak Dr Mahathir daripada wakil Sekretariat Suruhanjaya Siasatan di pejabatnya semalam pada jam 2.35 petang selepas dihubungi pegawai penyiasat.

Mohamed Haniff berkata, Dr Mahathir tidak dapat menerima sepina daripada pegawai Sekretariat Suruhanjaya Siasatan kerana beliau ke Kedah semalam

untuk menghadiri Istiadat Pemakaman Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Dua perkara

Beliau berkata, pihaknya akan menulis surat yang dihantar melalui serahan tangan kepada Sekretariat Suruhanjaya Siasatan bagi memohon dua perkara.

"Perkara itu ialah jika sekretariat berhasrat berjumpa Tun Dr Mahathir untuk mendapatkan penyata saksi seperti 20 saksi sebelum ini, kami mahu arahan dan kerjasama serta diberi ruang dengan menyatakan pada masa bila untuk diambil keterangan mulai sekarang hingga Isnin depan.

"Jika tidak berhasrat un-

tuk mendapatkan penyata saksi, kami mohon mana-mana dokumen pegawai pengendali atau ahli panel yang akan dirujuk kepada Tun Dr Mahathir dalam prosiding hendaklah dikemukakan kepada kami sebelum jam 3 petang Jumaat ini.

"Jika tidak bersetuju dan tiada dokumen diserahkan kepada kami, Suruhanjaya Siasatan kena beritahu kepada rakyat mengapa Tun dibezakan daripada saksi lain," katanya ketika dihubungi BH.

Prosiding dijadual bersambung Isnin ini selama empat hari lagi sebelum selesai mendengar semua keterangan saksi pada Khamis depan. Setakat ini 21 saksi sudah memberikan keterangan.